

23 JUL 2001

Sharizat-Perlembagaan

KERAJAAN PINDA PERLEMBAGAAN PASTIKAN HAK SAMA RATA BAGI WANITA

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Kerajaan bersetuju meminda Perkara 8 (2) Perlembagaan Malaysia bagi memastikan tidak ada diskriminasi antara jantina di negara ini, kata Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil, hari ini.

Beliau berkata Kabinet memberikan persetujuan itu dalam mesyuaratnya pada 18 Julai lepas.

Pindaan itu akan memastikan hak seseorang wanita dalam perundangan tertinggi di Malaysia iaitu Perlembagaan Malaysia adalah sama rata dengan seseorang lelaki, katanya.

Beliau berkata perkataan 'jantina' akan ditambah kepada Perkara 8 (2) Perlembagaan Malaysia yang berbunyi "Kecuali sebagaimana dibenarkan dengan nyatanya oleh Perlembagaan ini, tidaklah boleh ada pembezaan terhadap warganegara semata-mata oleh sebab ugama, kaum, keturunan atau tempat lahir dalam mana-mana undang-undang.

Sharizat berkata demikian dalam ucapannya pada majlis kempen Organisasi Wanita Membanteras Keganasan (Ombak) di ruang legar Stesen Sentral Kuala Lumpur yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sharizat menyifatkan keputusan kerajaan ini sebagai satu kejayaan besar kepada seluruh kaum wanita Malaysia.

"Pindaan ini adalah satu titik perubahan dan kejayaan besar bagi semua wanita Malaysia.

"Apabila pindaan ini menjadi undang-undang, Perlembagaan Malaysia akan dengan jelas menyatakan bahawa tidak harus ada diskriminasi jantina dan ini amat penting bagi wanita Malaysia kerana selalunya, wanita sering didiskriminasikan," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir dalam ucapannya berkata pindaan itu bertujuan mengiktiraf peranan dan sumbangan wanita yang semakin meningkat di negara ini.

"Untuk tentukan hak wanita sama dengan lelaki...tidak ada perbezaan dari segi undang-undang atau dasar di Malaysia. Kita yakin ia akan disambut baik," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata rang undang-undang berhubung pindaan itu akan dibentangkan dalam sesi persidangan Parlimen sekarang.

-- BERNAMA

RV RV NAK